



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

ATLAS BANCİ 2020 MALAYSIA

DOSM Menerokai Visualisasi secara Spatial bagi Perangkaan Penduduk dan Demografi melalui Atlas Banci 2020

PUTRAJAYA, 7 JULAI 2026 – Menjelang Hari Penduduk Sedunia pada 11 Julai 2026, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menzahirkan komitmennya dengan menerbitkan **Atlas Banci 2020 Malaysia** pada hari ini. Penerbitan ini menggabungkan statistik utama Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 yang diterjemahkan dalam bentuk peta tematik, carta dan infografik yang komprehensif. Ia merupakan sebahagian daripada inisiatif strategik DOSM untuk memperluaskan akses kepada statistik rasmi negara melalui persembahan visual spatial yang lebih interaktif, informatif dan mesra pengguna.

Atlas Banci 2020 Malaysia menghimpunkan pelbagai indikator utama demografi yang merangkumi bilangan dan kepadatan penduduk, struktur umur, nisbah jantina, komposisi etnik, isi rumah serta tahap perbandaran. Penyampaian maklumat melalui pendekatan ini membolehkan pengguna mendapat kefahaman yang jelas dan holistik mengenai landskap semasa demografi negara, di samping mengenal pasti perubahan dan corak pembangunan mengikut kawasan secara spatial.

Mengulas mengenai penerbitan tersebut, Ketua Perangkawan Malaysia, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, "Atlas Banci 2020 Malaysia bukan sekadar sebuah penerbitan statistik, malah merupakan platform rujukan strategik yang mengintegrasikan statistik rasmi dengan visual spatial bagi menyokong perancangan pembangunan negara. Pendekatan ini membolehkan pembuat dasar, penyelidik dan masyarakat memperoleh gambaran demografi negara secara lebih komprehensif, sekaligus memperkukuh penggunaan statistik rasmi sebagai asas kepada keputusan yang lebih tepat, inklusif dan mampan."

Selaras dengan agenda pendigitalan statistik negara, Atlas Banci 2020 Malaysia turut boleh diakses melalui platform DOSM GeoHUB, iaitu platform geospasial rasmi DOSM yang mengintegrasikan statistik rasmi dengan maklumat geografi. Melalui DOSM GeoHUB, pengguna boleh meneroka data banci secara interaktif, membuat carian berdasarkan lokasi serta menganalisis corak demografi menggunakan paparan peta digital.

Penerbitan Atlas Banci 2020 Malaysia bersama platform DOSM GeoHUB mencerminkan komitmen berterusan DOSM dalam memperluaskan akses kepada statistik rasmi negara, memperkukuh penggunaan teknologi geospasial serta menyokong pembangunan dasar berasaskan data selaras dengan aspirasi Malaysia MADANI dan transformasi digital sektor awam.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki **tangga pertama (1)** di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan **Open Data Inventory (ODIN) 2024/25** yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 197 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM Geohub merupakan platform pemetaan digital bagi memudahkan akses kepada statistik rasmi negara yang diintegrasikan dengan maklumat geospasial dan boleh diakses melalui portal <https://dosmgeoportal.dosm.gov.my/geohub/>.

DOSM turut membangunkan **Kalkulator Jangka Hayat** yang boleh diakses melalui laman web <http://kalkulator.dosm.gov.my/lifeexpectancy> serta dimuat turun sebagai aplikasi menerusi Google Play Store dan App Store.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
7 JULAI 2026